



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.44/2018

ISU VIDEO TULAR PETUGAS SPR BAWA KELUAR KERTAS UNDI

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) menjelaskan bahawa video yang tular di media sosial sejak awal hari ini melibatkan seorang petugas pilihan raya yang ditahan oleh pihak tertentu kerana disyaki membawa keluar kertas undi bukannya berlaku semasa Hari Pengundian Awal pada 5 Mei 2018 (Sabtu).
2. Hasil semakan SPR mendapati rakaman video tersebut merupakan kejadian yang berlaku semasa **PRU-13 pada 2013**. Video tersebut juga pernah disiarkan dan disebar menerusi laman media sosial **Youtube** dan beberapa laman facebook antara **4 hingga 7 Mei 2013** dan kini ia ditularkan kembali bagi membangkitkan suasana gempar dikalangan rakyat.
3. SPR berharap orang ramai tidak terus mempercayai sebarang mesej atau visual yang tersebar di media sosial atau turut menyebarkannya secara perkongsian di laman media sosial. Sebarang kemusykilan dan pertanyaan mengenai pilihan raya boleh merujuk kepada SPR dengan menghubungi talian hotline **03-88927018**.

Sekian dan terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

PUTRAJAYA

Tarikh : 6 Mei 2018 / 20 Syaaban 1439H